

09 JUN 2004

MAHATHIR-MATAWANG

ASIA PERLU PUNYAI MATAWANG YANG SAMA, BUKAN MATAWANG TUNGGAL

KUALA LUMPUR, 9 Jun (Bernama) -- Adalah lebih praktikal bagi Asia mempunyai matawang dagangan yang sama berbanding matawang tunggal memandangkan sifat rantau itu yang majmuk, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau mencadangkan supaya negara Asia menimbangkan penggunaan emas sebagai cara biasa perdagangan dan menjalankan urusan niaga.

"Saya tidak menyatakan yang ia tidak boleh dilaksanakan tetapi ia akan mengambil masa. Apa yang kita perlu sekarang ialah bukan matawang tunggal tetapi matawang dagangan yang sama," kata beliau semasa majlis makan malam yang berlangsung malam tadi.

"Dan saya percaya ianya boleh berlaku," kata beliau semasa ditanya sama ada Asia akan mempunyai mata wang tunggal seperti euro ketika sesi soal jawab selepas ucapan pada majlis itu yang diadakan bagi meraikan delegasi Perhimpunan Agung Ke-12 Pertubuhan Agensi Berita Asia Pasifik (OANA) di sini.

Bagaimanapun, beliau berkata ianya terpulang kepada kerajaan negara berkenaan untuk melaksanakannya. "Di mana ada kemahuan di situ ada jalan dan mekanisme (untuk menggunakan emas) telah ada dan telah dirancang."

Beliau berkata ekonomi Asia kini, yang menjalankan kebanyakan perdagangan serantau dan globalnya menggunakan dolar Amerika, tidak perlu bergantung kepada dolar Amerika yang menjadi matawang dagangan yang sama bagi Asia.

Mengenai matawang yang sama yang Asia perlu untuk dagangan, beliau berkata ianya "tidak akan digunakan dalam negara sebagai tender yang sah tetapi bagi tujuan perdagangan, kita boleh menetapkan matawang berkenaan dan semua dagangan dijalankan dengan matawang itu."

Matawang mempunyai nilai yang berbeza di negara yang berbeza.

"Sebagai contoh, dolar AS bernilai RM3.80 setiap dolar dan 9,000

rupiah  
Indonesia.

"Katakan, kita (Asia) mengikhtiarkan matawang kita sendiri bagi tujuan perdagangan. Bagi menentukan nilai matawang itu, kita menetapkan nilainya berbanding berat tertentu emas."

Dan dengan cara itu, matawang dalaman kekal sama, katanya.

"Kita tidak perlu terlalu bercita-cita tinggi sehingga hendak memberhentikan ringgit, rupiah, atau peso dan sebagainya. Kita hanya perlu menambah matawang dagangan yang sama," kata Dr Mahathir.

Negara-negara berkembang pantas selepas perang dunia kedua kerana standard emas dunia dan bukan kerana sistem apungan.

Walaupun terdapat perbincangan mengenai matawang Asia yang sama, beliau berkata ianya bukan sesuatu yang senang diadakan, memandangkan kompleksiti dalam rantau itu.

Sebaliknya, Eropah melalui pelbagai fasa sebelum ia mencapai peringkat mempunyai euro sebagai matawang yang sama atau matawang tunggal, katanya.

Dr Mahathir berkata langkah ke arah penyatuan Eropah itu dan seterusnya kemunculan euro bermula lebih 20 tahun lalu.

Ini adalah apabila mereka (Eropah) mempunyai masyarakat arang batu dan besi, yang menjadi masyarakat ekonomi Eropah dan akhirnya bergerak sehingga mempunyai Kesatuan Eropah dan matawang yang sama.

Eropah lebih serba serupa, di mana orangnya mempunyai latarbelakang sejarah dan budaya yang sama.

Sebaliknya, bagi Asia, "ia terdiri daripada penduduk yang majmuk dengan pelbagai budaya, bahasa serta orang dan bukan mudah bagi mereka melupakan perbezaan mereka."

"Ia akan mengambil masa bagi kemunculan matawang yang sama atau matawang tunggal, dengan itu pilihan yang lebih baik ialah matawang dagangan yang sama, kata beliau. -- BERNAMA

MR/TMM FR NHD